

Kadir: PN tak ubah seperti BN, dengan PAS sebagai pembantu

Malaysiakini

15 May 2020

Wartawan veteran A Kadir Jasin berkata kerajaan Perikatan Nasional (PN) tak ubah seperti pemerintahan BN yang telah ditumbangkan dua tahun lalu.

Dalam catatan di blognya hari ini, Kadir, yang juga merupakan ahli Majlis Tertinggi Bersatu dan merupakan penyokong kuat Dr Mahathir Mohamad, membidas Perdana Menteri Muhyiddin Yassin berhubung persidangan satu hari parlimen pada 18 Mei.

"Kerajaan PN tak ubah pemerintahan BN yang kleptokrat dengan PAS gembira memainkan peranan sebagai pembantu kepada kononnya pemerintahan Melayu-Muslim, sementara parti perdana menteri sendiri, Bersatu, berpecah dari dalam.

"Sementara itu, pentadbiran di semua peringkat dipolitikkan dengan kerajaan negeri yang dipilih secara demokratik digantikan oleh perampas PN, serta pengerusi dan ahli lembaga yang profesional di GLC dipecat untuk memberi ruang kepada pelantikan politik PN," kata Kadir.

Bekas Ketua Pengarang Kumpulan The New Straits Times Press itu juga menyifatkan persidangan parlimen 18 Mei ini sekadar memenuhi syarat untuk parlimen bersidang dalam tempoh yang ditetapkan.

"Isnin ini, pada 18 Mei 2020, akan dicatatkan dalam sejarah demokrasi Malaysia sebagai hari yang mengaibkan," katanya.

"Tanpa alasan lain selain untuk menjaga diri sendiri, Dewan Rakyat akan bersidang selama satu hari dan satu-satunya perkara dalam agenda adalah titah Agong.

"Selepas Titah Diraja, yang mungkin berlangsung selama setengah jam hingga 45 minit, persidangan akan ditangguhkan. Kenyataan akhbar 13 Mei oleh Speaker, Mohamad Ariff Md Yusof, dengan jelas menyatakan bahawa -" Tiada sidang selepas Titah Diraja," tambah Kadir.

Artikel 55 dalam Perlembagaan Persekutuan menetapkan bahawa persidangan (Dewan Rakyat) mesti dilakukan dalam waktu enam bulan dari tarikh sidang parlimen terakhir. Parlimen kali terakhir bersidang pada bulan Disember tahun lalu.

"Tidak ada alasan lain untuk penghinaan dan serangan terhadap demokrasi ini

selain daripada ketakutan Muhyiddin bahawa dia akan berdepan undi tidak percaya.

"Ada sebab untuk dia takut. Yang paling utama adalah undi tidak percaya usul yang diusulkan oleh Ahli Parlimen Langkawi, Dr Mahathir.

"Beliau juga boleh berdepan dengan undi tidak percaya melalui pungutan suara untuk rang undang-undang kerajaan.

"Ada laporan sebelumnya bahawa kerajaan akan membentangkan beberapa rang undang-undang untuk mengatur pemerintahan," kata Kadir.

Bagaimanapun, Kadir percaya Muhyiddin mungkin menang sekiranya usul undi tidak percaya dibenarkan, tetapi menurutnya perbincangan usul itu akan memperlihatkan perincian "tipu muslihat dan pembohongan".

"Beliau mungkin masih akan menang kerana pertama, beliau sudah meyakinkan Agong bahawa beliau mendapat sokongan majoriti dari ahli parlimen, yang menyebabkan Agong membenarkannya angkat sumpah pada 2 Mac, dan kedua, beliau telah memastikan sokongan ramai ahli parlimen melalui pelantikan kabinet dan jawatan kerajaan yang lain.

"Sementara rakyat Malaysia dilucutkan hak mereka untuk bersuara dalam pelantikan kerajaan, yang Perdana Menteri sendiri akui tidak dipilih oleh rakyat, kesahihan demokrasi Muhyiddin sendiri masih dipersoalkan," kata Kadir.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd

Source: <https://www.malaysiakini.com/news/525754>